

Statement of Corporate Governance

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Board continues to endorse and apply the principles and best practices of good governance reflected in the Malaysian Code on Corporate Governance (the Code) and, acknowledges the importance of good governance as being in the best interests of the Company, its shareholders and employees.

This Statement has been prepared in accordance with Part 1 and Part 2 of the Code. It explains how the Company has applied the principles and best practices of good governance throughout the financial year ended 31 July 2003 ("2003").

THE BOARD

The Board leads and maintains full and effective control over the Company's activities. The Board comprises the non-executive Chairman, the Managing Director, four independent directors, one non-executive director and, six executive directors. The directors have a range of skills and experience and each brings an independent judgement and considerable knowledge to the Board's discussions. Independent directors comprise not less than one third of the Board. The independent directors fulfil a key role in corporate accountability and participate fully in the review of strategic proposals to help ensure that the interests of shareholders and relevant stakeholders in the Company are safeguarded. The Board believes that, at a time when the role of independent directors is under particularly keen scrutiny, the Company has a strong Board with independent directors of great experience and of independent character. Separate directors hold the roles of the Chairman and the Managing Director and there is a clear division of responsibilities between them. Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi has served throughout the year as Senior Independent Non-Executive director to whom shareholders' concerns regarding the Group may be conveyed following his appointment to this position in 2001.

All directors are equally accountable for the proper stewardship of the Company's affairs. The non-executive directors have a particular responsibility for providing critical and independent oversight to the Company's business and in ensuring that business strategies proposed are fully discussed and sufficiently reviewed. This ensures the directors act in the best long-term interests of shareholders, whilst taking into account the interests of employees, customers, suppliers and the communities in which the businesses operate. The non-executive directors also test fully the operational performance of the whole Group including joint ventures and associate companies.

Lembaga Pengarah terus menyokong dan mengamalkan prinsip dan amalan terbaik tadbir urus dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod), dan mengakui betapa pentingnya melaksanakan tadbir urus yang baik demi kepentingan Syarikat, para pemegang saham dan kakitangannya.

Penyata ini telah disediakan mengikut Bahagian I dan Bahagian II Kod. Ia menjelaskan bagaimana Syarikat telah mengamalkan prinsip dan amalan terbaik tadbir urus sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Julai 2003 ("2003").

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengetuai dan mengekalkan kawalan sepenuhnya dan berkesan ke atas kegiatan Syarikat. Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengerusi bukan eksekutif, Pengarah Urusan, empat pengarah bebas, seorang pengarah bukan eksekutif dan enam pengarah eksekutif. Para pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman yang berpelbagai dan setiap seorang memberikan pertimbangan yang berkecuali dan menyumbangkan pengetahuan yang mendalam kepada perbincangan Lembaga Pengarah. Pengarah bebas merangkumi tidak kurang daripada satu pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah. Pengarah bebas memainkan peranan penting dalam kebertanggungjawaban korporat dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam kajian cadangan-cadangan strategik untuk membantu memastikan supaya kepentingan para pemegang saham dan pemegang kepentingan Syarikat yang berkenaan dilindungi. Lembaga Pengarah percaya bahawa dalam keadaan semasa di mana peranan pengarah bebas sentiasa diteliti, Syarikat mempunyai Lembaga Pengarah yang kukuh, dengan pengarah bebas yang berpengalaman luas dan berpendirian berkecuali. Pengarah yang berbeza memegang jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan dan terdapat perbezaan tanggungjawab yang jelas di antara kedua-duanya. Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi telah berkhidmat sepanjang tahun sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan yang mana segala kemusykilan pemegang saham mengenai Kumpulan boleh dikemukakan kepadanya, selepas beliau dilantik memegang jawatan tersebut pada 2001.

Kesemua pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama rata dalam mengawasi dengan betul hal-ehwal Syarikat. Pengarah bukan eksekutif mempunyai tanggungjawab khusus membuat pemantauan yang kritikal dan bebas terhadap perniagaan Syarikat dan memastikan strategi-strategi perniagaan yang dicadangkan dibincangkan dan dikaji dengan sewajarnya. Ini memastikan pengarah bertindak untuk kepentingan jangka panjang pemegang saham, sambil mengambilkira kepentingan kakitangan, para pelanggan, pembekal dan komuniti di mana perniagaan beroperasi. Pengarah bukan eksekutif juga menilai sepenuhnya prestasi operasi dalam seluruh Kumpulan, termasuk syarikat-syarikat usahasama dan bersekutu.



Statement of Corporate Governance

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Board has mechanism to evaluate and improve its performance in representing the shareholders in governing the corporation. At the minimum, there is an annual assessment by the Board of its overall performance, the effectiveness of its committees and the contribution of each individual director, via a self-assessment process.

All directors have full access to the advice and services of the Company Secretaries, who, with the Chairman, are responsible for the proper conduct of Board procedures. Directors may take independent professional advice at the Company's expense in the performance of their duties. To promote awareness of directors' responsibility, the Company has developed a Directors' Handbook and each director has been given a copy. The Directors' Handbook highlights amongst others, the major duties and responsibilities of a director vis-a-vis various laws, regulations and guidelines governing the same. Directors are also updated from time to time of any new or change to companies and securities legislations, rules and regulations.

All directors are subject to election by shareholders at the first opportunity following their appointment by the Board. Thereafter, they must seek re-election at least every three years.

The full Board meets regularly, at least four times a year, and has a formal schedule of matters reserved for it. Agendas and Board papers are normally provided to directors seven days prior to a meeting being held so that they can maintain full and effective control over strategic, financial, operational, compliance and governance issues.

The full Board receives the minutes of Board committee meetings and is briefed on issues raised at meetings to ensure that all directors are kept informed of the committees' activities. The Chairman of the audit committee reports on matters deliberated by the audit committee and highlights any business and financial risks, at the Board meeting following each audit committee meeting. During 2003, four scheduled Board meetings were held.

Lembaga Pengarah mempunyai mekanisme untuk menilai dan memperbaiki prestasinya sebagai wakil pemegang saham dalam mentadbir syarikat. Sekurang-kurangnya, satu penilaian tahunan diadakan oleh Lembaga Pengarah terhadap prestasi keseluruhannya, keberkesanan jawatankuasa dan sumbangan setiap pengarah individu, menerusi proses penilaian diri.

Semua pengarah boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha-setiausaha Syarikat, yang bersama-sama dengan Pengerusi, bertanggungjawab melaksanakan prosedur-prosedur Lembaga Pengarah dengan betul. Pengarah boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat semasa melaksanakan tanggungjawab mereka. Untuk mewujudkan kesedaran tentang tanggungjawab pengarah, Syarikat telah menerbitkan Buku Panduan Pengarah dan setiap pengarah telah diberikan satu salinan. Buku Panduan Pengarah, antara lain, memaparkan tugas dan tanggungjawab utama pengarah di bawah pelbagai undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuatkuasa ke atas mereka. Pengarah juga diberikan maklumat terkini dari semasa ke semasa tentang sebarang pembaharuan atau pindaan kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan syarikat dan sekuriti.

Semua pengarah perlu dipilih oleh pemegang saham pada peluang yang pertama selepas perantikan mereka oleh Lembaga Pengarah. Selepas itu, mereka mesti dipilih semula sekurang-kurangnya setiap tiga tahun.

Lembaga Pengarah penuh bermesyuarat secara kerap, sekurang-kurangnya empat kali setahun, dan mempunyai satu jadual formal perkara-perkara yang khusus untuknya. Agenda dan kertas Lembaga Pengarah biasanya diedarkan kepada pengarah tujuh hari sebelum mesyuarat diadakan supaya mereka mempunyai kawalan sepenuhnya dan berkesan ke atas isu-isu strategik, kewangan, operasi, pematuhan dan tadbir urus.

Lembaga Pengarah penuh menerima minit-minit mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan diberi taklimat mengenai isu-isu yang ditimbulkan di mesyuarat tersebut untuk memastikan semua pengarah dimaklumkan tentang kegiatan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Pengerusi jawatankuasa audit melaporkan tentang perkara-perkara yang dibincangkan oleh jawatankuasa audit dan kemukakan sebarang risiko perniagaan dan kewangan di mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan selepas setiap mesyuarat jawatankuasa audit. Pada 2003, empat mesyuarat Lembaga Pengarah yang terjadual telah diadakan.

The frequency of attendance at Board meetings during the year was as follows:

	Number of meetings attended during 2003	%
The Board		
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Chairman)	4	100
Dato' Lin Yun Ling	2	50
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	3	75
Tan Sri Ab Rahman bin Omar	4	100
Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah	4	100
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	4	100
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	3	75
Dato' Haji Azmi Mat Nor	2	50
Mr Ng Kee Leen	4	100
Mr Goon Heng Wah	4	100
Mr Ha Tiing Tai	4	100
Ms Wong Chin Yen	4	100
Mr Saw Wah Theng	4	100
Mr Chow Chee Wah (Alternate to Dato' Lin Yun Ling)	4	100

No. of meetings held: 4

Certain of the responsibilities of the Board are delegated to its committees, each of which has specific written terms of reference.

The main committees are:

Audit committee

The membership of this committee, which is chaired by Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim, an independent director and who is a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA), is comprised of two other independent directors and one executive director. It normally meets at least four times each year and met five times during 2003. The committee has overall responsibility for monitoring the Group's system of internal financial control. It reviews the scopes and results of the audit and the independence and objectivity of the auditors.

Kehadiran pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun yang dilaporkan adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat yang dihadiri pada 2003	%
Lembaga Pengarah		
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi)	4	100
Dato' Lin Yun Ling	2	50
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	3	75
Tan Sri Ab Rahman bin Omar	4	100
Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah	4	100
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	4	100
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	3	75
Dato' Haji Azmi Mat Nor	2	50
Encik Ng Kee Leen	4	100
Encik Goon Heng Wah	4	100
Encik Ha Tiing Tai	4	100
Cik Wong Chin Yen	4	100
Encik Saw Wah Theng	4	100
Encik Chow Chee Wah (Pengganti kepada Dato' Lin Yun Ling)	4	100

Bil. mesyuarat yang diadakan: 4

Tanggungjawab tertentu Lembaga Pengarah diagihkan kepada jawatankuasa-jawatankuasanya, yang masing-masing mempunyai bidang rujukan bertulis yang khusus.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama ialah:

Jawatankuasa audit

Keahlian jawatankuasa ini, yang dipengerusikan oleh Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim, seorang pengarah bebas dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) terdiri daripada dua pengarah bebas lain dan seorang pengarah eksekutif. Jawatankuasa ini biasanya bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun dan telah bermesyuarat lima kali pada 2003. Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab keseluruhan memantau sistem kawalan kewangan dalaman Kumpulan. Ia mengkaji skop dan keputusan audit dan keberkecualan dan objektiviti para juruaudit.



Statement of Corporate Governance

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Meetings are attended by the external auditors, the Head of Group Internal Audit and the Finance Director, at the invitation of the committee Chairman. The committee meetings provide, among other things, an important forum for regular and formal communication between the committee and the Group's external and internal auditors. The external auditors may avail themselves of the opportunity for discussion with the committee members in the absence of management and executive directors.

Nomination committee

The membership of this committee, which is chaired by Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim, is comprised wholly of non-executive directors, two of whom are independent directors. The committee is responsible for nominating Board candidates with required skills and attributes for approval by the full Board and ensures that the Board has an appropriate balance of expertise and ability. The committee meets at least once a year and met twice during 2003 to consider and propose to the Board the procedure and process for annual assessment of the effectiveness of the Board as a whole, its committees and the contribution of each individual director (Annual Assessment). The Board has adopted the committee's proposal for Annual Assessment based on the self-assessment approach, with the committee appointed as the moderator.

Remuneration committee

The membership of this committee, which is chaired by Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim, is comprised mainly of non-executive directors. The committee seeks to establish remuneration policies which reflect the need to provide a competitive compensation package designed to attract, retain and motivate members of the senior management team, having regard to the best interests of the Company and the shareholders. The committee meets at least once a year and met twice during 2003. During 2003, the General Manager of Group Human Resources & Administration provided comparative remuneration market survey information in respect of executive directors' remuneration to the committee. The committee makes recommendations to the Board on all elements of executive and non-executive directors' remuneration and the Board as a whole determines their remuneration. No director plays a part in any discussion about and voting on his or her own remuneration. Fees are paid to non-executive directors with the approval of shareholders at the Annual General Meeting. Details of the remuneration of the directors are shown on page 87.

Mesyuarat dihadiri oleh juruaudit luar, Ketua Audit Dalam Kumpulan dan Pengarah Kewangan, atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa. Mesyuarat jawatankuasa, antara lain, mewujudkan forum penting bagi komunikasi kerap dan formal antara jawatankuasa dan juruaudit luar dan dalaman Kumpulan. Juruaudit luar berpeluang berbincang dengan ahli-ahli jawatankuasa tanpa kehadiran pihak pengurusan dan pengarah eksekutif.

Jawatankuasa pencalonan

Keahlian jawatankuasa ini, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim, terdiri sepenuhnya daripada pengarah bukan eksekutif, yang mana dua daripadanya adalah pengarah bebas. Jawatankuasa pencalonan bertanggungjawab mencalonkan ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai kemahiran dan ciri-ciri yang dikehendaki, untuk kelulusan Lembaga Pengarah penuh dan memastikan Lembaga Pengarah mempunyai kepakaran dan kemahiran yang seimbang. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan telah bermesyuarat dua kali pada 2003 untuk mempertimbangkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang prosedur dan proses bagi penilaian tahunan mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, jawatankuasa-jawatankuasanya, dan sumbangan setiap pengarah individu (Penilaian Tahunan). Lembaga Pengarah telah menerima pakai Penilaian Tahunan yang dicadangkan oleh jawatankuasa yang berasaskan pendekatan penilaian sendiri dan jawatankuasa pencalonan telah dilantik sebagai penyelarasnya.

Jawatankuasa imbuhan

Keahlian jawatankuasa ini, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim, terdiri terutamanya daripada pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa ini berusaha menetapkan dasar-dasar imbuhan yang mencerminkan keperluan menyediakan pakej pampasan kompetitif yang dirangka untuk menarik minat, mengekalkan dan mendorong ahli-ahli pasukan pengurusan kanan, setelah mengambilkira kepentingan terbaik untuk Syarikat dan para pemegang saham. Jawatankuasa imbuhan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan telah bermesyuarat dua kali pada 2003. Pada 2003, Pengurus Besar Sumber Manusia & Pentadbiran Kumpulan memberikan maklumat perbandingan daripada kaji selidik pasaran tentang imbuhan pengarah eksekutif kepada jawatankuasa. Jawatankuasa imbuhan mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah dalam semua perkara yang berkaitan dengan imbuhan pengarah eksekutif dan bukan eksekutif dan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya akan menentukan imbuhan mereka. Tiada pengarah mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan dan undian mengenai imbuhan sendiri. Para pengarah bukan eksekutif dibayar yuran, dengan kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan. Butir-butir mengenai imbuhan para pengarah dipaparkan di muka surat 152.

The membership of each of the committees and the frequency of attendance at committee meetings during the year were as follows:

**Number of meetings
attended during 2003**

Audit committee

Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim (Chairman)	5
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	5
Ms Wong Chin Yen	5
Mr Ng Kee Leen	5

No. of meetings held: 5

**Number of meetings
attended during 2003**

Nomination committee

Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Chairman)	2
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	2
Ms Wong Chin Yen	2

No. of meetings held: 2

**Number of meetings
attended during 2003**

Remuneration committee

Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Chairman)	2
Dato' Lin Yun Ling	2
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	2

No. of meetings held: 2

Keahlian setiap jawatankuasa dan kehadiran pengarah berkenaan dalam mesyuarat jawatankuasa pada tahun yang dilaporkan adalah seperti berikut:

**Bilangan mesyuarat
yang dihadiri pada 2003**

Jawatankuasa audit

Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim (Pengerusi)	5
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	5
Cik Wong Chin Yen	5
Encik Ng Kee Leen	5

Bil. mesyuarat yang diadakan: 5

**Bilangan mesyuarat
yang dihadiri pada 2003**

Jawatankuasa pencalonan

Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi)	2
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	2
Cik Wong Chin Yen	2

Bil. mesyuarat yang diadakan: 2

**Bilangan mesyuarat
yang dihadiri pada 2003**

Jawatankuasa imbuhan

Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi)	2
Dato' Lin Yun Ling	2
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	2

Bil. mesyuarat yang diadakan: 2

Statement of Corporate Governance

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

DIRECTORS' ACTIVITIES

The Company's non-executive directors have taken a keen interest in the operations of the Group. Various site visits to the Group's facilities and operations were arranged upon their requests. Apart from having visited the Group's SSP3 dam project, water treatment plants, Bandar Botanic and Valencia property development projects last year, Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah and Ms Wong Chin Yen had also, on 8 July 2003, visited the SMART project site to obtain a better perspective of the operations.

Directors are also provided with the opportunity for training to ensure they are kept up to date on relevant new legislation and changing commercial risks. Having successfully completed the Mandatory Accreditation Programme (MAP), all directors are also committed to attend the Continuous Education Programme (CEP) prescribed by the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE).

ACCOUNTABILITY AND AUDIT

The Board seeks to present a balanced and understandable assessment of the Group's financial position and prospects. The work undertaken by the audit committee in reviewing published financial statements, allows the directors to make their responsibility statement on the annual audited financial statements below.

DIRECTORS' RESPONSIBILITIES FOR THE FINANCIAL STATEMENTS

The directors are required by the Companies Act, 1965 to prepare financial statements for each financial year which have been made out in accordance with the applicable approved accounting standards and give a true and fair view of the state of affairs of the Group and Company at the end of the financial year and of the results and cash flows of the Group and Company for the financial year.

In preparing the financial statements, the directors have:

- selected suitable accounting policies and applied them consistently;
- made judgements and estimates that are reasonable and prudent;
- ensured that all applicable accounting standards have been followed; and
- prepared financial statements on the going concern basis as the directors have a reasonable expectation, having made enquiries, that the Group and Company have adequate resources to continue in operational existence for the foreseeable future.

KEGIATAN PENGARAH

Pengarah bukan eksekutif Syarikat telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap operasi Kumpulan. Beberapa lawatan ke tapak kemudahan dan operasi Kumpulan telah diatur atas permintaan mereka. Selain daripada mengunjungi projek empangan SSP3, loji rawatan air dan projek pembangunan hartanah Bandar Botanic dan Valencia milik Kumpulan tahun lepas, Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah dan Cik Wong Chin Yen juga telah mengunjungi tapak projek SMART pada 8 Julai 2003 untuk mendapatkan perspektif yang lebih baik tentang operasinya.

Para pengarah juga diberi peluang menjalani latihan supaya mereka dapat mengikuti perkembangan terkini tentang undang-undang baru yang berkaitan dan perubahan dalam risiko komersial. Selepas berjaya menamatkan Program Akreditasi Mandatori (PAM), semua pengarah juga komited untuk menghadiri Program Pendidikan Berterusan (PPB) yang disyaratkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

AUDIT DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Lembaga Pengarah beriltizam untuk menyampaikan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami tentang kedudukan dan prospek Kumpulan. Tugas yang dijalankan oleh jawatankuasa audit dalam mengkaji penyata kewangan yang diterbitkan membolehkan para pengarah membuat kenyataan tanggungjawab mereka mengenai penyata kewangan teraudit yang di bawah.

TANGGUNGJAWAB PENGARAH TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Menurut Akta Syarikat 1965, para Pengarah dikehendaki supaya menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan, yang perlu dibuat mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang diguna pakai dan memberi gambaran yang benar dan saksama tentang hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan yang dilaporkan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para pengarah telah:

- memilih dasar-dasar perakaunan yang sesuai dan menggunakannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang berpatutan dan berhemat;
- memastikan bahawa semua piawaian perakaunan yang berkenaan telah dipatuhi; dan
- menyediakan penyata kewangan atas dasar perniagaan berterusan kerana selepas membuat pertanyaan, pengarah mempunyai jangkaan yang berpatutan bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang secukupnya untuk meneruskan operasi bagi masa depan yang boleh diramalkan.

The directors have responsibility for ensuring that the Company keeps accounting records which disclose with reasonable accuracy the financial position of the Group and the Company and which enable them to ensure that financial statements comply with the requirements of the Companies Act, 1965.

The directors have overall responsibilities for taking such steps as are reasonably open to them to safeguard the assets of the Group to prevent and detect fraud and other irregularities.

INTERNAL CONTROLS

The Board is responsible for ensuring that there is a system of internal control and for reviewing its adequacy and effectiveness. Such a system is designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve business objectives and can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss. The basis of the Group's system of internal control is the risk management framework. This aspect is dealt with at greater length under the Statement of Internal Control.

The management of each business unit is responsible for internal control and risk management within its own business and for ensuring compliance with the Group's risk management and internal control programme. Reports from management are reviewed to consider whether significant risks are identified, evaluated, managed and controlled and whether any significant weaknesses are promptly remedied and indicate a need for more extensive monitoring. The audit committee assists the Board in discharging its internal control review responsibilities. The Board continues to take steps to embed internal control and risk management further into the operations of the business and to deal with areas of improvement which come to management's and the Board's attention.

Compliance with the Code in relation to internal control, supported by the external auditors, is reported in the Statement of Internal Control on page 47.

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Kumpulan menyimpan rekod-rekod perakaunan yang mendedahkan dengan setepat yang munasabah tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat, dan yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi keperluan Akta Syarikat 1965.

Para pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi aset Kumpulan untuk mencegah dan mengesan sebarang pemalsuan dan tindakan lain yang tidak mematuhi peraturan.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan kewujudan satu sistem kawalan dalaman dan untuk menilai kecukupan dan keberkesanannya. Sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan mencapai objektif-objektif perniagaan dan hanya boleh memberikan kepastian yang berpatutan tetap tidak muktamad terhadap salah nyata atau kerugian ketara. Asas sistem kawalan dalaman Kumpulan ialah rangka kerja pengurusan risikonya. Aspek ini dijelaskan dengan lebih lanjut di dalam Penyata Kawalan Dalaman.

Pihak pengurusan setiap unit perniagaan bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman dan pengurusan risiko di dalam perniagaan mereka sendiri dan memastikan pematuhan kepada program pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Laporan daripada pihak pengurusan dikaji untuk mempertimbangkan sama ada risiko-risiko penting telah dikenal pasti, dinilai, diuruskan dan dikawal dan sama ada sebarang kelemahan ketara telah diperbetulkan dan menilai sama ada kelemahan tersebut memerlukan pemantauan lebih lanjut. Jawatankuasa audit membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengkaji kawalan dalaman. Lembaga Pengarah terus mengambil langkah-langkah untuk menerapkan kawalan dalaman dan pengurusan risiko ke dalam operasi perniagaan dan menangani perkara-perkara untuk diperbaiki yang dibawa kepada perhatian pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Pematuhan kepada Kod, dari segi peruntukan mengenai kawalan dalaman, dengan sokongan juruaudit luar, dilaporkan dalam Penyata Kawalan Dalaman di muka surat 47.



Statement of Corporate Governance

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

INTERNAL AUDIT

This function exists at central Group level. The Head of Group Internal Audit has direct reporting line to the audit committee. The internal audit department supports the audit committee in discharging its duties and responsibilities, giving assurance that adequate, efficient and effective internal control systems are in place. Under the internal audit procedures, reviews of critical processes and controls, operational and central, are carried out and risks assessed. In selected high risk areas, spot checks are conducted. These procedures form part of the risk management framework.

SHAREHOLDER AND INVESTOR COMMUNICATIONS

Our annual reports, regular dialogues and participation in road shows, investor conferences and forums, both locally and abroad, along with our Annual General Meetings have been the prime tools of communication with our shareholders, investors and fund managers. The Company places a high priority on communications with its shareholders and investors. Members of the senior management team meet regularly with equity research analysts, fund managers and institutional investors including presentations in respect of both the quarterly and annual results and holding discussions in respect of future growth and strategy. The Company welcomes and encourages such dialogue within the constraints of the Listing Requirements of the KLSE. An investor relations section exists within the Company's website www.gamuda.com.my to provide shareholders with all relevant information including public announcements and news about the activities of the Group. Shareholders are able to put questions to the Company and request for the Company's Annual Report and corporate brochures via its website. It has been the Board's view that the Company's shareholders and investors audience are kept well informed about the Group.

AUDIT DALAMAN

Fungsi ini wujud di peringkat pusat Kumpulan. Ketua Audit Dalam Kumpulan melapor secara langsung kepada jawatankuasa audit. Jabatan audit dalaman menyokong jawatankuasa audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, dan memberikan jaminan bahawa sistem kawalan dalaman yang secukupnya, cekap dan berkesan diwujudkan. Di bawah prosedur-prosedur audit dalaman, penilaian proses-proses dan kawalan-kawalan kritikal dijalankan di peringkat operasi dan pusat dan risikonya dinilai. Dalam bidang-bidang tertentu yang berisiko tinggi, pemeriksaan mengejut dilakukan. Prosedur ini membentuk sebahagian daripada rangka kerja pengurusan risiko.

KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Laporan tahunan kami, dialog dan penyertaan kami dalam pameran bergerak, persidangan pelabur dan forum, di dalam dan luar negara, serta Mesyuarat Agung Tahunan kami menjadi saluran komunikasi utama dengan para pemegang saham, pelabur dan pengurus dana. Syarikat memberi keutamaan kepada komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur. Pihak pengurusan kanan kerap bertemu dengan penganalisis penyelidikan ekuiti, pengurus dana dan pelabur institusi, di samping mengadakan taklimat mengenai keputusan suku tahunan dan tahunan dan mengadakan perbincangan tentang strategi dan perkembangan masa depan Syarikat. Syarikat mengalu-alukan dan menggalakkan dialog seperti ini, selagi ia mematuhi Keperluan Penyenaraian BSKL. Satu seksyen mengenai hubungan pelabur disediakan di laman web syarikat www.gamuda.com.my untuk memberikan pemegang saham segala maklumat yang berkenaan, termasuk pengumuman awam dan berita tentang kegiatan Kumpulan. Pemegang saham boleh mengemukakan soalan kepada Syarikat, dan meminta Laporan Tahunan dan Brosur Korporat Syarikat menerusi laman web ini. Adalah memang pendapat Lembaga Pengarah bahawa para pemegang saham dan pelabur Syarikat perlu dimaklumkan dengan baik tentang Kumpulan.

Statement of Internal Control

PENYATA KAWALAN DALAMAN

BOARD RESPONSIBILITY

The Board of Directors is responsible for the Group's system of internal control and for reviewing its adequacy and integrity. The system of internal control is designed to manage risks in order to achieve the Group's business objectives. As with any internal control system, controls can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss.

RISK MANAGEMENT

The Board confirms that a continuous process has been established for identifying, evaluating and managing significant risks faced by the Group. This process has been in operation during the financial year ended 31 July 2003 and up to the date of approval of the annual report and its financial statement.

The risk management process includes continuous identification of new risks, evaluation of existing risks and formulation of risk mitigation measures. The process has been reviewed by the Board and is in accordance with the Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies issued by the KLSE's Task Force on Internal Control.

Risk assessment and evaluation is an integral part of the annual business and budget planning process. Each business unit, in establishing its business objectives is required to identify and document those significant risks that can affect their achievements as well as their mitigating controls.

Under this system, each business unit summarises the risks, controls and processes for managing them into a risk map and risk assessment report. These documents are presented to the Audit Committee for their consideration.

INTERNAL AUDIT FUNCTION

The Group has an adequately resourced Internal Audit Department which provides assurance to the Board on the effectiveness and integrity of its system of internal controls.

Internal Audit prepares an annual audit plan, which is presented and approved by the Audit Committee, and adopts a risk-based approach in carrying out its work. Internal Audit independently reviews the risk management and control process implemented by Management and reports to the Audit Committee on a regular basis.

The Audit Committee reviews internal audit reports and keeps the Board informed of key audit findings on a regular basis. It confirms that corrective actions as suggested in the reports have been taken by Management to rectify and control weaknesses identified.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan, di samping mengkaji kecukupan dan keutuhannya. Sistem kawalan dalaman direka untuk menguruskan risiko agar objektif-objektif perniagaan Kumpulan dapat dicapai. Dalam sesebuah sistem kawalan dalaman, kawalan hanya boleh memberikan jaminan munasabah dan bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata atau kerugian ketara.

PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah mengesahkan bahawa satu proses berterusan telah diwujudkan bagi mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses ini telah beroperasi sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Julai 2003 dan sehingga tarikh kelulusan laporan kewangan dan penyata kewangan.

Proses pengurusan risiko termasuk mengenal pasti risiko baru secara berterusan, penilaian risiko semasa dan merumuskan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko. Proses ini telah dikaji oleh Lembaga Pengarah dan mematuhi Penyata Kawalan Dalaman: Panduan Bagi Pengarah Syarikat-Syarikat Tersenarai Umum yang diterbitkan oleh Pasukan Petugas Kawalan Dalaman BSKL.

Kajian dan penilaian risiko ialah sebahagian daripada proses perancangan perniagaan dan belanjawan tahunan. Setiap unit perniagaan, semasa menetapkan objektif perniagaan masing-masing, perlu mengenal pasti dan mendokumentasikan risiko-risiko penting yang boleh menjejaskan pencapaiannya serta mengawal risiko-risiko tersebut.

Di bawah sistem ini, setiap unit perniagaan merumuskan risiko, kawalan dan proses untuk memasukkannya ke dalam peta risiko dan laporan penilaian risiko. Dokumen-dokumen ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan mereka.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang diberikan sumber secukupnya untuk memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah tentang keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalamannya.

Audit Dalaman menyediakan rancangan audit tahunan, yang dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit, dan menggunakan pakai pendekatan berasaskan risiko apabila menjalankan tugasnya. Audit Dalaman mengkaji secara bebas proses pengurusan risiko dan kawalan yang dilaksanakan oleh Pengurusan dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit dari masa ke masa.

Jawatankuasa Audit mengkaji laporan audit dalaman dan memaklumkan Lembaga Pengarah tentang sebarang penemuan audit penting dari masa ke masa. Jawatankuasa tersebut mengesahkan bahawa tindakan pembetulan yang dicadangkan dalam laporan telah dilaksanakan oleh Pengurusan untuk memperbaiki dan mengawal kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti.



Statement of Internal Control

PENYATA KAWALAN DALAMAN

OTHER INTERNAL CONTROL PROCESS

Beside risk management and internal audit, key structures and processes established which can contribute to a sound system of internal control are as follows:

- Board Committees with clearly defined terms of reference, authorities and responsibilities. The Committees include:
 - Audit Committee.
 - Nomination Committee.
 - Remuneration Committee.
- An organisation structure with distinct lines of responsibility and delegated authority limits established for major capital expenditure, contract award and other significant transactions.
- Policies, Procedures and Standard Operating Procedures which are systematically documented, revised and made available to guide staff in their day-to-day work.
- An information reporting system which provides regular financial performance results and key business indicators on operations to Management and the Board.
- A budgetary planning and control process in which annual budgets are prepared and agreed with operating units for subsequent results to be monitored against budget. Major variances in revenue, profit and expenditure are explained and Management action is taken, where necessary.
- An ISO 9001 Quality Management System which has been implemented to manage and control the quality requirement for the Company's products and services.
- A Performance Management System which assists employees plan their targets to achieve business objectives. Employee's performance is appraised and rewarded according to the achievement of targets set.

The Group has board representations in its associated companies. Information on the financial performance of these associated companies are provided regularly to the Management of the Company via Group management reporting procedures.

In respect of joint ventures entered into by the Group, the Management of the joint ventures, which consist of representations from the Group and other joint venture partners is responsible to oversee the administration, operation, performance and executive management of the joint venture. Financial and operational information of these joint ventures are provided regularly to the Management of the Company.

PROSES KAWALAN DALAMAN LAIN

Selain daripada pengurusan risiko dan audit dalaman, struktur dan proses penting berikut telah diwujudkan untuk membina satu sistem kawalan dalaman yang mantap:

- Jawatankuasa Lembaga dengan bidang rujukan, kuasa dan tanggungjawab yang ditakrifkan dengan jelas. Jawatankuasa tersebut termasuk:
 - Jawatankuasa Audit
 - Jawatankuasa Pencalonan
 - Jawatankuasa Imbuhan
